



27 FEB, 2025

Nikmati manfaat SDGs

Sinar Harian, Malaysia



Nikmati manfaat SDGs



DR ANIS YUSAL YUSOFF

Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) diformulasikan oleh PBB sebagai usaha dunia untuk mengatasi cabaran kepada masalah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang menanti kita pada ketika itu. Ini adalah lanjutan usaha awal melalui Millenium Development Goals (MDGs) 2000 – 2015. Sebab itu pada 25 September 2015, selepas pelbagai tahap perbincangan yang dilakukan, semua pemimpin dunia yang hadir ke Persidangan Agung PBB telah bersetuju untuk diterima pakai ke seluruh 17 Matlamat SDGs dengan 169 sasaran khusus yang harus dicapai pada 2030 oleh semua negara anggota PBB.

Hari ini kita berada di penghujung bulan Februari 2025. Berdasarkan laporan global, keseluruhan dunia hanya baru mencapai 16 peratus daripada sasaran yang diletakkan. Bagaimana mungkin dengan 5 tahun yang berbaki ini kita mampu untuk mencapai hasrat yang disepakati pemimpin dunia 10 tahun yang lalu?

Adakah sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia mempunyai peranan untuk menggerakkan seluruh negara anggota ASEAN ke arah mencapai sasaran yang

sudah tentu akan memberi manfaat kepada semua rakyat. Apakah peranan yang boleh dimainkan Malaysia ke arah hasrat tersebut?

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam memastikan semua negara anggota mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Tanggungjawab ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan, tetapi juga kepada rakyat Malaysia dan rakyat di seluruh ASEAN.

Pencapaian SDGs akan meningkatkan taraf hidup, mengurangkan ketidak-samaan, serta memastikan kesejahteraan ekonomi dan alam sekitar bagi generasi kini dan akan datang.

Bagaimana Malaysia dapat membantu rakyat ASEAN mencapai SDGs? Malaysia telah menetapkan tiga keutamaan utama dalam kepengerusiannya yang akan memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat:

1. Pembiayaan untuk peralihan iklim yang adil dan mampan dengan memperluas akses kepada pembiayaan hijau, rakyat Malaysia dan ASEAN dapat menikmati udara yang lebih bersih, bandar yang lebih lestari, serta pekerjaan dalam industri hijau.

Projek tenaga boleh baharu seperti solar dan hidro dapat mengurangkan bil elektrik rakyat dan memberi manfaat kepada komuniti luar bandar.

2. Pasaran modal ASEAN yang lebih inklusif dan terhubung akan memberi

akses yang lebih baik kepada pasaran modal membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat Malaysia serta rakyat ASEAN. Usahawan kecil dan sederhana (PKS) akan mendapat manfaat daripada pelaburan yang lebih besar, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka.

3. Sistem pembayaran digital yang lebih mudah dan inklusif. Rakyat ASEAN akan mendapat manfaat daripada sistem pembayaran rentas sempadan yang lebih cepat dan murah, memudahkan transaksi perniagaan dan penghantaran wang bagi pekerja migran. Ekonomi digital yang lebih maju akan memberi peluang kepada lebih ramai individu untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian.

Kesemua cadangan di atas ini adalah permulaan yang baik. Persoalannya adalah bagaimana untuk kita tentukan agar usaha-usaha ini dapat dipertahankan.

Penelitian kedua yang perlu kita lakukan adalah untuk melihat antara negara ASEAN yang mana yang telah berjaya dalam SDGs. Seperti yang dilaporkan ada beberapa negara ASEAN telah menunjukkan kemajuan ketara dalam mencapai SDGs, memberi inspirasi kepada Malaysia dan negara lain untuk memperkukuh usaha mereka. Antara mereka adalah:

Thailand mencatat skor tertinggi dalam pencapaian SDGs, mencapai 74.74 peratus daripada matlamat keseluruhan. Rakyatnya menikmati sistem

kesihatan yang lebih baik dan pembangunan lestari yang lebih pesat.

Indonesia juga mencatat kemajuan dengan mencapai 62.5 peratus daripada matlamat SDGs, memberi impak positif kepada kehidupan rakyat dalam aspek pendidikan, kesihatan, dan ekonomi.

Singapura menunjukkan kejayaan dalam pembangunan infrastruktur dan kemampanan bandar yang memberi manfaat kepada rakyatnya dari segi kebersihan, keselamatan, dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, jurang pembangunan masih wujud antara negara anggota. Oleh itu, Malaysia sebagai pengerusi ASEAN perlu memastikan semua rakyat ASEAN menikmati manfaat SDGs secara adil dan saksama.

Sebagai pemimpin dalam ASEAN, Malaysia boleh memperkenalkan beberapa inisiatif untuk memastikan rakyat Malaysia dan rakyat ASEAN mendapat manfaat secara langsung.

Antaranya adalah memperkenalkan Dana Pembiayaan Hijau ASEAN. Ini akan membantu rakyat, khususnya petani dan komuniti luar bandar, mendapatkan pembiayaan untuk projek tenaga boleh baharu dan pertanian lestari.

* Datuk Dr Anis Yusal Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.